



15 OCT, 2019

Selangor kekal harga rumah warga asing RM2j

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Selangor kekal harga rumah warga asing RM2j

Negeri minta LPHS buat kajian atasi lambakan kediaman mewah

Oleh Norrasyidah Arshad dan Siti Sofia Md Nasir
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Selangor menjadi negeri kedua selepas Johor yang cenderung mengekalkan harga rumah untuk warga asing.

Ia susulan Belanjawan 2020 yang mencadangkan penurunan had harga kediaman bagi pemilikan asing daripada RM1 juta kepada RM600,000, bagi mengatasi lambakan unit kediaman tidak terjual.

Ketika ini, Selangor meletakkan had harga pemilikan rumah bagi warga asing tertinggi iaitu RM2 juta.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata cadangan penurunan had harga rumah untuk pemilikan asing kepada RM600,000 adalah sangat rendah.

"Kerajaan Selangor meletakkan harga yang tinggi kepada warga asing iaitu RM2 juta. Jumlah ini lebih rendah berbanding di Shenzen, China yang puratanya menjual antara RM5 juta hingga RM6 juta bagi rumah seluas 1,000 kaki persegi.

"Had pemilikan asing bernilai RM1 juta atau RM2 juta tidak mendatangkan masalah kepada mereka (warga asing)," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan jabatan kerajaan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata perkara itu masih dalam perbincangan dan keputusan sama ada harga rumah



Amirudin menyampaikan amanat pada perhimpunan bulanan jabatan kerajaan di Shah Alam, semalam. (Foto Sadam Yusoff/BH)

kekal atau diturunkan, akan dibuat dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Kerajaan negeri sudah meminta Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) membuat kajian berkaitan harga rumah bagi mengatasi isu lambakan kediaman mewah di negeri itu pada bulan lalu.

Beliau menegaskan kerajaan negeri mahu melindungi harga rumah kerana tidak mahu ia menimbulkan masalah sosial dan kesan sampingan yang tidak diingini.

Sabtu lalu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata kerajaan negeri itu belum ada keputusan mengenai penurunan harga lantai bagi pemilikan rumah warga asing di

Johor dan ia masih kekal pada harga RM1 juta.

Ahad lalu, *BH* melaporkan pelbagai pihak meminta kerajaan mengkaji semula cadangan menurunkan had harga rumah bagi pemilikan asing kepada RM600,000 kerana kluatir pemaaju akan cenderung membina lebih banyak rumah jenis itu dan menjual kepada warga asing.

Kelmarin, kerajaan menjelaskan cadangan itu hanya tertakluk kepada kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual.

Di **Georgetown**, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk menentukan had harga rumah kepada pembeli asing, mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.

Katanya, nilai hartanah yang berbeza di setiap negeri menyebabkan had harga rumah kepada pembeli asing boleh diselaraskan mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan negeri.

"Mereka boleh mengkaji apakah nisbah terbaik di negeri mereka," katanya.

Bercakap pada sidang media selepas menghadiri Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan 2019 sempena Persidangan Asia Pasifik Urban Ke-7 di sini, Zuraida turut menampakan Datuk Seri Najib Razak yang didakwa tidak memahami cadangan penurunan harga pemilikan hartanah itu.

"Najib mungkin tidak faham, yang kita maksudkan adalah kepada rumah sudah siap dan bukan rumah baharu," katanya.



15 OCT, 2019

Selangor kekal harga rumah warga asing RM2j

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Negeri minta LPHS buat kajian atasi lambakan kediaman mewah

Shah Alam: Selangor menjadi negeri kedua selepas Johor yang cenderung mengekalkan harga rumah untuk warga asing. Ia susulan Belanjawan 2020 yang mencadangkan penurunan had harga kediaman bagi pemilikan asing daripada RM1 juta kepada RM600,000, bagi mengatasi lambakan unit kediaman tidak terjual. Ketika ini, Selangor meletakkan had harga pemilikan rumah bagi warga asing tertinggi iaitu RM2 juta.